

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA :**

**DATUK WEE JECK SENG [ TANJUNG PIAI ]**

**TARIKH :**

**18.6.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan berunding untuk menggugurkan tindakan senarai hitam oleh Jabatan Imigresen terhadap seseorang peminjam tegar atas dasar kemanusiaan sekiranya wujud keadaan kecemasan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum menyenarai hitam peminjam tegar atau "blacklist". Tindakan menyenarai hitam adalah sebagai langkah terakhir (*last resort*) dalam memberikan peringatan kepada peminjam tegar, setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka.

Beberapa langkah awal yang telah diambil PTPTN memperlihatkan bahawa tindakan penguatkuasaan terutama larangan meninggalkan negara yang diambil oleh PTPTN bukanlah tindakan yang dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa memberikan ruang kepada peminjam. PTPTN sentiasa terbuka menerima kunjungan peminjam di semua cawangan diseluruh negara bagi berunding dan menentukan kaedah bayaran balik yang terbaik.

Peminjam dinasihatkan sentiasa menyemak status senarai hitam melalui laman sesawang PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) apabila berhasrat ke luar negara. Kementerian yakin peminjam berkenaan tidak akan menampilkan diri sekiranya tidak berdepan dengan tindakan larangan keluar negara yang diambil oleh PTPTN. Dari maklum balas yang dikumpul menunjukkan sikap tidak mahu membayar balik pinjaman merupakan punca utama dan bukannya ketidakmampuan pendapatan.

Pelepasan nama dari senarai hitam imigresen boleh dibuat setelah peminjam mengadakan rundingan, membayar pendahuluan dan membuat komitmen dengan mengisi Borang Kebenaran Pemotongan Gaji atau menyerahkan Borang Arahan Tetap Bank (*Standing Instruction*). Namun begitu, sekiranya terdapat kes kecemasan dan peminjam tidak sempat untuk berbuat demikian, mereka perlu membuat akujanji dengan menyatakan persetujuan untuk berunding dan membuat bayaran balik sekembalinya ke tanahair.

Rjm113